

PM: Kerajaan mungkin kurangkan cukai korporat

UM 11 JUL 2001
Oleh MOWARDI MAHMUD
dan ROSNI HASAN

PUTRAJAYA 10 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan mungkin mengurangkan cukai korporat dalam Belanjawan 2002 yang akan dibentangkan Oktober ini.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan sedang meneliti ke arah pengurangan itu dan juga keperluan untuk mendapat hasil daripadanya.

“Kita, bagaimanapun melihat dari segi mengurangkannya (cu-

kai) bukan memansuhkannya,” jelas beliau selepas mempengerusikan majlis dialog Belanjawan 2002 bertemakan *Menggalakkan Pertumbuhan Melalui Pengukatan Daya Tahan dan Peningkatan Daya Saing* di sini, hari ini.

Ini merupakan kali pertama Perdana Menteri mempengerusi majlis itu ketika memegang jawatan Menteri Kewangan.

Cukai korporat kini berada di paras 28 peratus.

Beliau berkata, kerajaan juga mempertimbangkan pemberian insentif tertentu bagi menggalakkan pelaburan tempatan di kalangan sektor korporat.

Beliau, bagaimanapun tidak menyatakan bentuk insentif yang akan diberikan itu.

Kesan

Mengulas sesi pertama dialog itu, Dr. Mahathir berkata, terdapat pihak yang berpendapat bahawa kemelesetan ekonomi dunia akan berlanjutan untuk jangka-masa yang lebih lama dan ia akan memberi kesan terhadap ekonomi negara dari segi pelaburan terus luar negara (FDI).

“Sehubungan itu, kita berpen-dapat bahawa kita mesti mem-pertingkatkan pelaburan domes-

tik dan kita mempunyai kapasiti dalam bidang itu,” katanya.

Menjawab pertanyaan lain, Dr. Mahathir, berkata, kerajaan juga akan menimbang kemungkinan mengurangkan kadar cukai-cukai tertentu jika ia didapati boleh mengembangkan perniagaan.

“Ada cukai bila kita kurangkan ia akan mengembangkan perniagaan, itu yang menjadi pertimbangan kita, tetapi kalau kita hendak turun cukai begitu sahaja dengan tiada pulangan...kerajaan

■ Lihat muka 4

PM: Kerajaan mungkin kurangkan cukai korporat

akan kekurangan peruntukan kerana kita akan ada defisit belanjawan yang lebih besar,” jelasnya.

Secara umumnya, Perdana Menteri berkata, Belanjawan 2002 kelak akan dibuat berasaskan matlamat untuk meningkatkan daya tahan negara terhadap kemelesetan ekonomi dunia.

Kerajaan jelas beliau, mahu memastikan kedudukan kewangan negara adalah kukuh dan latihan-latihan khusus diberikan untuk melahirkan lebih ramai pekerja mahir.

Majlis Dialog Belanjawan 2002 dibahagikan kepada tiga sesi, yang mana sesi pertama yang diadakan pada hari ini melibatkan perbincangan mengenai perkembangan serta isu-isu ekonomi makro negara.

Sementara sesi kedua pada 13 Julai ini melibatkan perbincangan dengan wakil-wakil daripada pelbagai sektor ekonomi utama dan industri tertentu termasuk sektor perkilangan, pertanian, perlombongan, pembinaan, hartanah, perkhidmatan perbankan dan pelancongan.

Sesi ketiga pula akan diadakan pada 14 Julai dan ia akan memberi peluang kepada pelbagai wakil daripada pertubuhan sosial dan kemasyarakatan untuk membincangkan isu-isu dan agenda sosial.

Dialog itu disertai oleh pelbagai organisasi dan pertubuhan bukan kerajaan termasuk Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia (MICCI), sektor korporat dan perbankan serta pihak universiti.